



**JABATAN PERIKANAN MALAYSIA**  
**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**  
*Department of Fisheries Malaysia*  
*Ministry of Agriculture and Food Security*  
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
**ARAS 6, BLOK 4G2, WISMA TANI**  
**NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4**  
**62628 PUTRAJAYA**  
**MALAYSIA**

 03-8870 4426

 [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my)

 <http://www.dof.gov.my>

No. Ruj.: DOF.UKK.100-9/1/1 (39)

## SIARAN MEDIA

### SEMINAR INDUSTRI TUNA LABUAN 2025 PACU TRANSFORMASI INDUSTRI TUNA NEGARA

**LABUAN, 13 Oktober 2025** – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) hari ini memperteguh agenda pembangunan industri tuna negara menerusi penganjuran Seminar Industri Tuna Labuan 2025 (Labuan Tuna Conference 2025), yang menjadi platform penting bagi menyelaraskan hala tuju, memperluas kerjasama strategik dan memacu inovasi dalam industri tuna ke arah pengurusan sumber yang mampan serta berdaya saing di peringkat global.

Seminar anjuran bersama Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dengan kerjasama Perbadanan Labuan ini berlangsung di Dewan Konvensyen, Kompleks Ujana Kewangan, Wilayah Persekutuan Labuan, dan telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Program selama dua hari ini menghimpunkan 140 peserta terdiri daripada wakil agensi kerajaan, pemain industri, penyelidik dan komuniti perikanan tempatan. Sebanyak lima (5) kertas kerja utama dibentangkan, meliputi aspek pembangunan hab strategik tuna, pengurusan sumber bernilai tinggi, peningkatan kualiti hasil tangkapan, peluang pelaburan dalam pemprosesan makanan serta kolaborasi antara kerajaan dan sektor industri.

Dalam ucapannya, YB Timbalan Menteri menegaskan bahawa seminar ini merupakan wadah penting bagi memperkukuh jaringan antara kerajaan, industri dan akademik dalam memantapkan rantaian nilai tuna negara. Beliau turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM220,000 di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) untuk melaksanakan program peningkatan kualiti pasca tuai dan nilai tambah sektor tuna di Labuan, termasuk penyediaan peralatan pembangunan payao tuna dan kemudahan pemprosesan produk perikanan bagi meningkatkan keupayaan usahawan tempatan menghasilkan produk bernilai tinggi.

Menurut beliau, Industri tuna negara turut menunjukkan kemajuan pesat, dengan jumlah pendaratan bagi tuna *oceanic*, *neritic* dan *tuna-like species* pada tahun 2024 direkodkan sebanyak 88,725 tan metrik bernilai kira-kira RM890 juta. Negeri Sabah kekal sebagai penyumbang utama dengan pendaratan dianggarkan sekitar 22,995 tan metrik bernilai hampir RM177 juta, manakala Labuan pula merekodkan pendaratan sekitar 1,296 tan metrik bernilai hampir RM12 juta. Kedudukan strategik kedua-dua wilayah di Laut Sulu dan Laut China Selatan menjadikannya pemangkin utama kepada aspirasi Malaysia sebagai hab perikanan tuna serantau.



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI  
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION  
**myDOF**  
Peneraju Perikanan

Beliau turut menyeru semua pemain industri agar terus memperluas inovasi produk dan mematuhi piawaian antarabangsa seperti HALAL, GMP dan HACCP bagi meningkatkan daya saing produk tuna Malaysia di pasaran global, selaras dengan agenda Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) dan matlamat keterjaminan makanan negara.

Sementara itu, YBhg. Dato' Haji Adnan bin Hussain, Ketua Pengarah Perikanan dalam ucapan aluan beliau menekankan bahawa seminar ini menjadi landasan penting bagi membina sinergi kukuh antara dasar dan pelaksanaan dalam usaha mempercepat transformasi industri tuna negara.

Beliau menjelaskan bahawa hala tuju pembangunan industri tuna kini digerakkan melalui Pelan Strategik Pembangunan Industri Tuna 2021–2030, yang berfungsi sebagai panduan utama ke arah pengurusan dan pembangunan sektor tuna negara secara mampan dan berdaya saing. Pelan ini memberi tumpuan kepada enam teras utama, iaitu pematuhan piawaian domestik dan antarabangsa; pembangunan spesifikasi vesel dan kuota tangkapan lestari; penggunaan teknologi moden dalam perikanan tuna; pengukuhan pengurusan dan integriti industri; peningkatan kapasiti penguatkuasaan; serta penambahbaikan kualiti pasca tuai dan pengeluaran produk nilai tambah yang mampu menembusi pasaran eksport.

Beliau menambah bahawa industri tuna bukan sekadar aktiviti penangkapan, tetapi merangkumi keseluruhan rantai nilai daripada pendaratan, penyelidikan, logistik, pemprosesan hingga pemasaran produk. Dalam konteks ini, Labuan dan Sabah berpotensi besar menjadi pemacu utama kepada pembentukan Hab Tuna Nasional melalui pelaburan strategik, pembangunan fasiliti moden serta kolaborasi rentas agensi dan sektor swasta.

Dato' Haji Adnan menyeru semua peserta seminar agar terus menyumbang idea dan pandangan bagi membentuk ekosistem industri tuna negara yang mampan, inovatif dan berimpak tinggi, seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI dan komitmen kerajaan dalam memastikan "Food Security is a Shared Responsibility."

**Pautan gambar :**

[https://drive.google.com/drive/u/0/folders/1pkVg2wb\\_ZLE1ij7l-GH7EAU8yTaNBXRE](https://drive.google.com/drive/u/0/folders/1pkVg2wb_ZLE1ij7l-GH7EAU8yTaNBXRE)

**-TAMAT-**

Dikeluarkan oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my)